

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

SOALAN

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah status membina bangunan 2 tingkat Unit Perlesenan dan Penguatkuasaan dan Unit Integrasi Tanaman dan Ternakan MPOB di Guar, Kuala Kangsar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Permohonan untuk cadangan projek pembangunan tersebut telah dikemukakan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat kelulusan. Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bercadang untuk mengemukakan semula cadangan projek ini melalui peruntukan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.